



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Sebutharga adalah dipelawa kepada Penyebutharga yang berdaftar dengan CIDB di dalam bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa untuk menyertai sebutharga berikut :

No. Sebutharga	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tarikh Tutup Sebutharga
INSPEN/SH /24/2021	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SECARA ( <i>SEMI-COMPREHENSIVE</i> ) LAPAN (8) BUAH LIF JENAMA SCHINDLER BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN DI INSTITUT PENILAIAN NEGARA, PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN	Berdaftar dengan <b>CIDB Gred G2 atau G3 atau G4 atau G5 atau G6 atau G7</b> di bawah Kategori Mekanikal (ME) Pengkhususan <b>M03</b> dan bertaraf Bumiputera dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Serta <b>Beralamat Pendaftaran di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan atau Putrajaya</b>	Tiada Lawatan Tapak- Sila Rujuk Perenggan 5 Notis Sebutharga ini.	11/10/2021 (Khamis) jam 12.00 Tengahari  Tawaran yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan

2. Borang Sebutharga boleh diperolehi mulai 04 Oktober 2021 hingga 11 Oktober 2021 semasa waktu pejabat di Unit Perolehan, Tingkat 6, Blok Pentadbiran, Institut Penilaian Negara Persiaran INSPEN, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan dengan mengemukakan Sijil Pendaftaran ASAL, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera ASAL dengan menghubungi terlebih dahulu sebelum hadir dengan menghubungi.

3. Sebutharga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sah sepenuhnya hendaklah dilakri dan ditaip/ditulis Tajuk Sebutharga dan No. Sebutharga tanpa sebarang pengenalan kontraktor dengan dakwat yang tidak luntur di sudut sebelah atas kiri sampul surat dan dialamatkan kepada:

PENGARAH  
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, PERSIARAN INSPEN  
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

4. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disebutkan di atas pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, pada tarikh tutup sesuatu Sebutharga tersebut. Sebutharga yang diterima selepas tarikh dan masa Sebutharga ditutup adalah dikategorikan sebagai Sebutharga lewat dan ditolak sepenuhnya serta tidak akan dipertimbangkan. Bukti pos tidak diterima sebagai bukti penerimaan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang risiko dan kos yang perlu atau akan dihadapi oleh Penyebut harga bersabit dengan proses Sebutharga ini.

5. Lawatan tapak semasa tempoh **Pelan Pemulihan Negara Fasa 2** atas tanggungjawab Penyebut harga sendiri untuk melawat tapak dan menilai jumlah harga kerja / bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan. Sebarang kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat adalah menjadi risiko Penyebut harga sendiri dan pihak Kerajaan tidak akan menanggung apa apa juga kerugian/perbelanjaan terhadap kos bersabit dengan perkara tersebut. Syarat-syarat Khas Sebutharga seperti di dalam Arahan Kepada Penyebut harga adalah muktamad dan wajib dipatuhi bagi memastikan keseragaman setiap Sebutharga. **Pihak pembida dikehendaki memaklumkan dahulu Unit Pengurusan Harta & Fasilitas INSPEN sebelum memasuki premis INSPEN dengan menghubungi En. Azman Bin Ismail atau En. Nor Mohamad Radzie Bin Ismail di talian 03-89118800 (waktu pejabat). Peraturan memakai penutup mulut, individu sihat dan tidak bergejala simptom COVID-19 sahaja dibenarkan untuk melawat tapak.**

6. **Pembida yang berjaya tetapi gagal melaksanakan kerja sebutharga ini dengan sempurna disebabkan alasan kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat akan disenarai hitam oleh Pengarah Institut Penilaian Negara dan akan dimaklumkan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan juga Kementerian Kewangan Malaysia.**

7. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang Sebutharga terendah atau mana-mana Sebutharga lain serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana – mana Sebutharga yang ditolak/tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan. Keputusan Lembaga Perolehan Sebutharga